

Doktor maklum peluang hidup sangat tipis dan bergantung kepada ubatan

# Tanggung pengajian jaga bapa hidap kanser otak

Oleh NORHASPIDA YATIM  
KUALA TERENGGANU

Seorang penuntut Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) sanggup menanggung pengajiannya selama dua tahun semata-mata untuk menjaga ayahnya yang terlanter kerana menghidap kanser otak.

Muhammad Afif Mohd Ezani, 25, mendaftar masuk ke universiti itu pada tahun 2019 sebelum memohon menangguhkan pengajian pada 2022 selepas ibunya, Zaini Yasin, 60, meninggal dunia akibat serangan jantung, manakala ayahnya pula, Mohd Ezani Abas, 62, disahkan mengalami kanser otak tahap empat.

Katanya, keputusan itu diambil memandangkan empat daripada tujuh beradiknya sudah

berumah tangga dan hanya tinggal dia bersama seorang kakak serta adiknya yang masih belajar.

"Pada mulanya saya fikir untuk habiskan sahaja pengajian sebab hanya tinggal setahun lagi tetapi kalau belajar pun rasa tak boleh fokus sebab memikirkan keadaan ayah.

"Lepas berbincang dengan adik-beradik, saya pun buat keputusan ni. Lagipun waktu nak jaga ayah perlu lebih daripada seorang sebab perlukan tenaga untuk angkat dan mandikannya," katanya ketika ditemui di Pangsapuri Kampung Tiong di sini baru-baru ini.

Menurut Muhammad Afif, walaupun ketinggalan apabila semua rakan sekelasnya sudah menamatkan pengajian dan mula bekerja, dia tidak berasa

ralat kerana berpuas hati dapat menjaga ayahnya.

"Kalau ikutkan doktor, peluangnya untuk hidup sangat tipis. Ayah tiada apa-apa rawatan sekarang dan hanya bergantung ubat sahaja.

"Waktu rawatan terakhir tahun lalu, doktor beritahu jangka hayatnya hanya tinggal beberapa bulan sahaja namun bersyukur sebab ayah masih kuat dan ada dengan kami sehingga hari ini," ujarnya.

Muhammad Afif yang mengambil jurusan teknologi pembinaan berkata, dia akan kembali ke universiti pada Oktober depan dan adiknya yang juga belajar di universiti sama akan mengambil alih tugasnya menjaga bapa.

"Disebabkan tempoh maksimum universiti benarkan untuk tanggung pengajian hanya selama



Muhammad Afif menjaga ayahnya yang menghidap kanser otak di Pangsapuri Kampung Tiong, Kuala Terengganu.

dua tahun, selepas ini adik bongsu saya yang kini menuntut dalam jurusan hartanah pula akan tanggung pengajian untuk bergilir menjaga ayah," kata anak keenam daripada tujuh beradik itu.

Terdahulu, Mohd Ezani yang juga pesara guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Ibrahim pernah membuat rawatan membuang ketumbuhan dalam kepala pada 2020 selain masalah jantung.

